



22 November 2012  
22 November 2012  
P.U. (A) 408

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PENGUBAHAN DAN PENAMBAHAN KEPADA, PERLEMBAGAAN) (UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA) (PINDAAN) 2012

*UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES (VARIATION  
OF AND ADDITION TO, THE CONSTITUTION)  
(NATIONAL DEFENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA)  
(AMENDMENT) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI  
(PENGUBAHAN DAN PENAMBAHAN KEPADA, PERLEMBAGAAN) (UNIVERSITI  
PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA) (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 26(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada, Perlembagaan) (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia) (Pindaan) 2012.**

**Pindaan Jadual**

2. Jadual kepada Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada, Perlembagaan) (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia) 2010 [P.U. (A) 473/2010] dipinda—

(a) dalam butiran 3, dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

“(3) Bagi mengelakkan keraguan, kuasa di bawah subseksyen (1) boleh dijalankan oleh Lembaga, kecuali kuasa di bawah perenggan (1)(a), (b), (c), (d), (e), (g), (l) dan (o) yang hendaklah dijalankan oleh Senat.”

dengan butir-butir yang berikut:

“(3) Bagi mengelakkan keraguan, kuasa di bawah subseksyen (1) boleh dijalankan oleh Lembaga, kecuali kuasa di bawah perenggan (1)(a), (b), (c), (d), (e), (g), (k) dan (o) yang hendaklah dijalankan oleh Senat.”;

(b) dalam butiran 13, dalam ruang (2)—

(i) dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

“(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, terma dan syarat lain pelantikan bagi Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah ditetapkan oleh Lembaga.”

dengan butir-butir yang berikut:

“(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, syarat pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas butir-butir yang berikut:

“(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, terma dan syarat lain pelantikan bagi Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah ditetapkan oleh Lembaga.”

butir-butir yang berikut:

“(5) Seseorang yang dilantik sebagai Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang itu adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Seseorang yang dilantik sebagai Ketua Pustakawan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.”;

- (c) dalam butiran 15, dengan memasukkan sebelum subbutiran “ – subseksyen (3)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:

‘ – subseksyen (1) Gantikan dengan yang berikut:

“(1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa jua nama ia disebut, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut, Jawatankuasa Pengajian, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Aduan Pelajar dan badan yang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.”.’;

- (d) dalam butiran 21, dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

“(8) Senat hendaklah mempertimbangkan apa-apa perkara yang dihantar kepadanya oleh Lembaga di bawah subseksyen 20(3).”

dengan butir-butir yang berikut:

"(8) Senat hendaklah mempertimbangkan apa-apa perkara yang dihantar kepadanya oleh Lembaga di bawah subseksyen 20(2).";

- (e) dengan memotong butiran 26 dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2);
  
  - (f) dengan memasukkan selepas butiran 27 dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:

“27A. Seksyen 21A Nomborkan semula sebagai seksyen 28A.”;  
dan

- (g) dalam butiran 63, dengan memasukkan selepas subbutiran “ – tajuk” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:

‘ – perenggan 4 Gantikan dengan yang berikut:

## **“Pengisian kekosongan**

4. Jika mana-mana orang terhenti menjadi ahli Pihak Berkuasa oleh sebab peruntukan Perlembagaan, seorang lain boleh dilantik untuk mengisi kekosongan itu bagi tempoh selebihnya yang baginya ahli itu dilantik.”’.